



Pendidikan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing di Tokyo University of Foreign Studies: Cabaran dan Cadangan Aktiviti Komunikatif Dalam Kelas

Malay as a Foreign Language Education at Tokyo University of Foreign Studies: Challenges and an In-class Communicative Activity Proposal

Mohd Farez Syinon Masnin*

Tokyo University of Foreign Studies, Japan

*Corresponding author: farezsyinon@gmail.com

DOI: <https://doi.org/10.37134/pambm.vol3.12.2025>

Abstract

This paper aims to discuss the challenges faced in teaching Malay as a foreign language at Tokyo University of Foreign Studies (TUFS), Japan, and to propose a communicative classroom activity as a potential solution to address these challenges. Based on a reflective practice approach, the data is drawn from the author's personal experience teaching Malay at TUFS for over three and a half years. Three challenges have been identified: students' dependence on translation applications, the lack of teaching and learning materials, and limited opportunities to use Malay in practical contexts. The proposed classroom activity, "Tourism Ambassador," is a project-based learning activity designed to address these issues. This paper contributes to the field of Malay language education as a foreign language in contexts outside Malaysia, where the amount of research remains limited. Furthermore, it offers benefits for foreign language educators in similar contexts. The proposed classroom activity has the potential to serve as a foundational model for foreign language teaching that encourages a more interactive and communicative approach. The originality of this paper is significant, as the challenges discussed are derived from the author's personal reflections, and the proposed activity is the author's own idea, implemented in Malay language classes at TUFS for over three years.

Keywords: *Japanese Students, Malay Language Education, Student Autonomy*

Abstrak

Kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan cabaran-cabaran yang dihadapi dalam pendidikan bahasa Melayu sebagai bahasa asing di Tokyo University of Foreign Studies (TUFS), Jepun, dan mengemukakan cadangan aktiviti komunikatif dalam kelas yang boleh dilaksanakan sebagai satu daripada langkah untuk mengatasi cabaran-cabaran tersebut. Berdasarkan pendekatan amalan reflektif, data diperoleh daripada pengalaman peribadi penulis mengajar bahasa Melayu di TUFS selama lebih tiga tahun setengah. Tiga cabaran yang dikenal pasti ialah kebergantungan pelajar terhadap aplikasi terjemahan, kekurangan bahan pengajaran dan pembelajaran, serta peluang menggunakan bahasa Melayu yang terhad. Aktiviti komunikatif dalam kelas yang dicadangkan ialah "Duta Pelancongan" yang merupakan aktiviti pembelajaran berasaskan projek. Kertas kerja ini memberi sumbangan kepada bidang pendidikan bahasa Melayu sebagai bahasa asing dalam konteks luar Malaysia kerana jumlah kajian dalam konteks sebegini masih terhad. Selain itu, kertas kerja ini turut memberi manfaat kepada pendidik bahasa asing lain dalam konteks serupa. Cadangan aktiviti pembelajaran dalam kertas kerja ini berpotensi untuk menjadi model asas untuk pengajaran bahasa asing yang menggalakkan pendekatan yang lebih interaktif dan komunikatif. Nilai keaslian kertas kerja ini tinggi kerana cabaran-cabaran yang dibincangkan merupakan hasil refleksi pengalaman peribadi penulis dan aktiviti yang dicadangkan merupakan idea penulis sendiri dan telah dilaksanakan dalam kelas bahasa Melayu di TUFS selama lebih tiga tahun.

Kata Kunci: *Autonomi Pelajar, Pelajar Jepun, Pendidikan Bahasa Melayu*



Pengenalan

Pendidikan bahasa Melayu di Jepun telah bermula lebih satu abad yang lalu mencerminkan kepentingan bahasa tersebut bagi negara Jepun untuk lebih memahami rantau Asia Tenggara umumnya, dan khususnya alam Melayu. Menurut Kobayashi (2018), Universiti Takushoku merupakan institusi pendidikan Jepun terawal yang menawarkan kursus *Marai-go* (馬來語, istilah lama untuk bahasa Melayu) pada tahun 1907. Langkah ini kemudiannya diikuti oleh institusi-institusi pendidikan lain.

Namun begitu, era pasca peperangan menyaksikan perubahan terhadap kepentingan pendidikan bahasa Melayu selaras dengan perubahan geopolitikal yang berlaku. Penubuhan negara moden Indonesia dan Malaysia telah menyebabkan pengasingan dan perbezaan antara bahasa Indonesia dan bahasa Malaysia, dua varian standard bahasa Melayu moden, menjadi lebih ketara. Istilah *Marai-go* telah digantikan dengan istilah *Indoneshia-go* (bahasa Indonesia) atau *Marei-Indoneshia-go* (bahasa Melayu-Indonesia) yang merujuk kepada bahasa kebangsaan negara Indonesia, dan *Mareishia-go* (bahasa Malaysia) yang merujuk kepada varian bahasa kebangsaan negara Malaysia. Pada hari ini, sebahagian besar universiti di Jepun yang menawarkan kursus bahasa Melayu lebih menumpukan kepada pendidikan bahasa Indonesia (Iguchi, 2007). Hal ini tidak menghairankan lantaran status dan kepentingan bahasa Indonesia sebagai bahasa kebangsaan negara keempat terbesar di dunia dari segi bilangan penduduk.

Kini, terdapat lima universiti di Jepun yang menawarkan kursus bahasa Melayu sebagai pengkhususan utama iaitu Kanda University of International Studies, Universiti Kyoto Sangyo, Universiti Osaka, Universiti Setsunan, dan Tokyo University of Foreign Studies (TUFS). Daripada kelima-lima universiti ini, TUFS merupakan satu-satunya yang menawarkan program bahasa Indonesia dan bahasa Malaysia secara berasingan, manakala empat universiti lain hanya menawarkan varian bahasa Indonesia.

Program Bahasa Malaysia di TUFS

Jabatan Bahasa Melayu (馬來語学科, *Marai-go Gakka*) di TUFS diwujudkan pada tahun 1911. Walau bagaimanapun, selepas tamatnya Perang Dunia Kedua, nama Jabatan Bahasa Melayu telah diubah menjadi Jabatan Bahasa Indonesia pada tahun 1946. TUFS kemudiannya menyusun semula Jabatan Bahasa Indonesia dengan menjadikannya Jabatan Bahasa Indonesia dan Bahasa Malaysia bermula tahun 1984 yang berkemungkinan dicetuskan oleh pelancaran Dasar Pandang ke Timur oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu. Pada tahun 1992, Jabatan Bahasa Indonesia dan Bahasa Malaysia dirombak sekali lagi dan diletakkan di bawah naungan Jabatan Bahasa-bahasa Asia Tenggara sebagai dua buah program berautonomi yang berasingan, iaitu Program Bahasa Indonesia dan Program Bahasa Malaysia. Dua dekad kemudian, pada tahun 2012, kedua-dua program ini diletakkan di bawah kelolaan Jabatan Bahasa dan Kebudayaan, Fakulti Bahasa dan Kebudayaan.

Pemisahan Program Bahasa Indonesia dan Program Bahasa Malaysia di TUFS merupakan satu tindakan yang wajar diraikan kerana ia menunjukkan komitmen telus TUFS dalam menyediakan platform pembelajaran yang terperinci dan mengkhusus dalam kedua-dua bahasa, seterusnya dapat memenuhi keperluan pelajar yang ingin memahami negara Indonesia dan negara Malaysia secara lebih mendalam.

Laman sesawang rasmi TUFS (Tokyo University of Foreign Studies, n.d.) telah menggariskan dua matlamat utama Program Bahasa Malaysia iaitu: 1) untuk menerapkan kemahiran membaca, menulis, mendengar, dan bertutur dalam bahasa Malaysia secara seimbang; 2) untuk memanfaatkan keupayaan berbahasa Malaysia bagi mendalamkan pemahaman tentang masyarakat Malaysia. Struktur



kurikulum kursus bahasa dalam program ini membolehkan pelajar untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran bahasa mereka dari peringkat asas sehingga ke peringkat lanjutan. Pelajar Tahun 1 akan mengambil kursus Tatabahasa (2 unit), Perbualan (2 unit), dan Ungkapan (1 unit). Pelajar Tahun 2 pula diwajibkan untuk mengambil kursus Bacaan (2 unit), Perbualan (2 unit), dan Ungkapan (1 unit). Kursus-kursus yang ditawarkan untuk pelajar Tahun 3 dan 4 ialah Bacaan (1 unit), Ungkapan (1 unit), dan Jawi (1 unit). Pada tahun 2024, terdapat enam orang tenaga pengajar Program Bahasa Malaysia, dua daripadanya merupakan penutur jati bahasa Melayu, dan selebihnya merupakan penutur jati bahasa Jepun.

Kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan cabaran dalam mengajar bahasa Melayu sebagai bahasa asing berdasarkan pengalaman peribadi penulis sebagai tenaga pengajar di TUFS selama lebih tiga tahun setengah. Setelah membincangkan cabaran-cabaran tersebut, penulis mengemukakan dan menerangkan sebuah aktiviti komunikatif dalam kelas yang dilaksanakan oleh penulis dalam kelas bahasa Melayu di TUFS sebagai satu daripada langkah penyelesaian praktikal untuk menambah baik pengalaman pembelajaran. Memandangkan fokus kertas kerja ini ialah Program Bahasa Malaysia di TUFS, penggunaan istilah “bahasa Melayu” dalam bahagian-bahagian seterusnya merujuk khusus kepada varian bahasa Malaysia.

Metodologi

Kertas kerja ini menggunakan pendekatan amalan reflektif sebagai metodologi. Dapatan yang dikemukakan diperoleh melalui amalan reflektif yang merangkumi pemerhatian pelajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran serta maklum balas tidak formal yang dikumpulkan melalui interaksi dengan pelajar berdasarkan pengalaman peribadi penulis sebagai tenaga pengajar bahasa Malaysia di TUFS selama lebih kurang tiga tahun setengah. Refleksi ini memberikan maklumat penting tentang cabaran yang dihadapi dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing di TUFS. Selain itu, rancangan aktiviti dalam kelas yang dicadangkan dalam kertas kerja ini turut disusun berdasarkan refleksi penulis, bertujuan untuk menangani isu-isu yang telah dikenalpasti dan menambah baik pengalaman pembelajaran pelajar bahasa Melayu sebagai bahasa asing.

Dapatan

Bahagian ini membincangkan cabaran-cabaran pendidikan bahasa Melayu sebagai bahasa asing di TUFS dan mengemukakan cadangan aktiviti dalam kelas yang boleh dilaksanakan sebagai satu daripada langkah untuk menangani cabaran-cabaran tersebut.

Cabaran

Terdapat tiga cabaran yang dikenal pasti dalam pendidikan bahasa Melayu sebagai bahasa asing di TUFS iaitu kebergantungan berlebihan terhadap aplikasi terjemahan, kekurangan bahan yang berkualiti dan bersesuaian, serta peluang penggunaan bahasa Melayu yang terhad.

1. Kebergantungan berlebihan terhadap aplikasi terjemahan

Satu daripada cabaran utama yang dihadapi dalam pendidikan bahasa Melayu sebagai bahasa asing di TUFS ialah kebergantungan berlebihan pelajar terhadap aplikasi terjemahan seperti Google Translate dan DeepL. Tidak dapat dinafikan bahawa kewujudan aplikasi terjemahan dalam talian dapat mempermudah proses pembelajaran bahasa asing, namun, penggunaannya secara berlebihan dan tidak



terkawal akan memberikan kesan sebaliknya. Hal ini demikian kerana aplikasi terjemahan masih memiliki banyak kelemahan. Apatah lagi ketika melakukan terjemahan antara bahasa Melayu dan bahasa Jepun yang masih menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantara, masih terdapat banyak kesalahan yang berlaku. Terutamanya terjemahan yang berkenaan dengan istilah-istilah khusus dan maksud yang tidak menepati konteks.

Antara contoh yang pernah dilihat oleh penulis ialah pelajar menterjemahkan perkataan *kyoku* (塾, pusat tuisyen) sebagai 'sekolah sesak' yang merupakan terjemahan literal daripada perkataan *cram school*. Selain itu, penggunaan aplikasi terjemahan secara berlebihan dan membabi buta boleh membantutkan proses pemerolehan kosa kata dan tatabahasa dalam kalangan pelajar.

2. Kekurangan bahan yang berkualiti dan bersesuaian

Cabaran lain yang membelenggu pendidikan bahasa Melayu sebagai bahasa asing di TUFS ialah kesukaran untuk mendapatkan bahan pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti dan bersesuaian. Berbanding dengan bahasa-bahasa asing lain yang diajar secara meluas seperti bahasa Mandarin dan bahasa Perancis, buku-buku yang boleh digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing adalah sangat terhad. Bahkan, buku-buku yang ada di pasaran biasanya bersifat terlalu mudah seperti himpunan frasa untuk pelancong atau tidak mempunyai pembahagian tahap kecekapan yang jelas dan hanya mencakupi skop kecekapan tahap asas serta tidak bersifat komprehensif. Hal ini membuatkan buku-buku tersebut tidak sesuai dan tidak mencukupi untuk dipakai dalam konteks akademik di universiti yang memerlukan buku untuk tahap kecekapan asas sehingga lanjutan.

Antara punca berlakunya masalah ini ialah ketidakwujudan piawaian dan kayu ukur rasmi yang memperincikan dengan jelas pembahagian tahap kecekapan bahasa Melayu sebagai bahasa asing dan boleh dijadikan rujukan dalam penghasilan bahan pembelajaran yang berkualiti. Penulis berpendapat bahawa isu ini turut berakar umbi daripada kurangnya perhatian dan penyelidikan khusus untuk bidang pendidikan bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Kekurangan bahan pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti dan bersesuaian ini bukan sahaja mengekang keberkesanan pengajaran di dalam kelas, tetapi turut memberi kesan kepada pembelajaran sendiri para pelajar.

3. Peluang penggunaan bahasa Melayu yang terhad

Peluang untuk menggunakan bahasa Melayu dalam situasi praktikal dan sebenar di luar bilik darjah juga merupakan satu daripada cabaran utama pendidikan bahasa Melayu sebagai bahasa asing di TUFS. Menurut Agensi Perkhidmatan Imigresen Jepun (Immigration Services Agency, 2024), jumlah penduduk Malaysia di Jepun setakat bulan Disember 2023 adalah sebanyak 11,471 orang, iaitu 0.34% daripada jumlah keseluruhan penduduk asing yang berdaftar di Jepun. Secara nisbahnya, kebarangkalian untuk orang Jepun mempunyai kontak dengan orang, bahasa, atau budaya Malaysia adalah sangat rendah. Selain dapat mengakibatkan pelajar menjadi kurang yakin untuk bertutur dalam bahasa Melayu, peluang penggunaan bahasa Melayu yang terhad juga boleh memberikan kesan negatif terhadap motivasi pelajar.

4. Cadangan Aktiviti Komunikatif

Dalam usaha untuk menangani cabaran yang telah dikenalpasti sebelum ini, penulis mencadangkan sebuah aktiviti pembelajaran berasaskan projek yang diberi nama "Duta Pelancongan" untuk pelajar tahun pertama pada Semester Musim Luruh iaitu semester kedua dalam tahun akademik. Tahap



kecekapan bahasa pelajar pada masa ini ialah asas, antara tahap A1 dan A2 berdasarkan skala CEFR. Aktiviti ini menggunakan pendekatan komunikatif yang menggalakkan pelajar menggunakan bahasa Melayu secara aktif dalam konteks yang bermakna dan dilakukan secara berpasangan.

Aktiviti “Duta Pelancongan” ini dijalankan sepenuhnya di dalam kelas dan mengambil dua waktu kelas. Memandangkan kelas “Ungkapan Bahasa Malaysia” yang diajar oleh penulis hanya bertemu sekali seminggu (90 minit setiap kelas), aktiviti ini biasanya dilakukan dalam tempoh dua minggu. Sebelum aktiviti ini dilaksanakan, dalam pelajaran-pelajaran sebelumnya para pelajar telah mempelajari kosa kata dan frasa berkenaan cara-cara menerangkan benda, orang, dan tempat.


Langkah-langkah Pelaksanaan

- Guru memberikan dan menjelaskan templat pembentangan yang mengandungi frasa-frasa berkaitan
- Pelajar yang telah dibahagikan secara berpasangan dimaklumkan bahawa mereka merupakan ejen pelancongan, jadi mereka harus memilih satu tempat yang kurang dikenali di Jepun untuk dipromosikan
- Pelajar membuat kajian mengenai tempat tersebut di internet dan menulis skrip pembentangan
- Pelajar membuat poster yang mengandungi gambar dan kata kunci berkaitan tempat yang akan mereka promosikan
- Pelajar membuat pembentangan secara bergiliran menggunakan konsep *gallery walk*

Manfaat

- Melatih pelajar menggunakan bahasa Melayu dalam konteks nyata
- Meningkatkan keyakinan pelajar untuk bercakap secara spontan (contoh: sesi soal jawab)
- Memberi ruang kepada kreativiti dan kolaborasi antara pelajar
- Pemilihan poster dan pembentangan terbaik oleh rakan sekelas dapat memberikan motivasi kepada pelajar untuk lebih berusaha

Aktiviti serupa turut dilaksanakan untuk pelajar Tahun 2. Pada tahun kedua, aktiviti “Duta Pelancongan” diubah menjadi projek individu dan fokus utamanya adalah untuk memperkenalkan negeri-negeri di Malaysia. Selain itu, berbeza dengan pelajar Tahun 1 yang membuat carian internet dalam bahasa Jepun, pelajar Tahun 2 diminta untuk mencari sumber di internet menggunakan bahasa Melayu. Hal ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kemahiran membaca dan pemahaman mereka. Selain itu, berbeza dengan aktiviti tahun pertama, templat skrip pembentangan tidak disediakan untuk menggalakkan kreativiti dan autonomi pelajar yang lebih tinggi.



Rajah 1: Contoh poster pelajar Tahun 1



Rajah 2: Contoh poster pelajar Tahun 2

Perbincangan dan Kesimpulan

Tiga cabaran dalam pendidikan bahasa Melayu sebagai bahasa asing di TUFS yang dikenal pasti dalam kertas kerja ini ialah penggunaan aplikasi terjemahan yang berlebihan, kekurangan bahan yang berkualiti dan bersesuaian, dan peluang penggunaan bahasa Melayu yang terhad.

Meskipun penggunaan aplikasi terjemahan digambarkan sebagai satu masalah dalam bahagian sebelum ini, ia tidak bermakna bahasa penggunaan aplikasi terjemahan tidak dapat membantu proses pemerolehan bahasa asing. Bahkan, tinjauan sistematik dan meta-analisis terhadap kajian-kajian lepas



mengenai penggunaan terjemahan mesin dalam pendidikan bahasa asing oleh Lee (2021) menyimpulkan bahawa kebanyakan hasil kajian menunjukkan impak positif penggunaan terjemahan mesin terhadap pembelajaran bahasa asing terutamanya untuk kemahiran penulisan. Namun begitu, guru bertanggungjawab untuk mendidik para pelajar tentang cara untuk menggunakan dan memanfaatkan aplikasi terjemahan dengan betul agar tidak berlaku penggunaan secara berlebihan dan penyalahgunaan.

Isu kekurangan bahan yang berkualiti dan bersesuaian turut diutarakan dalam sebuah kajian mengenai cabaran pendidikan bahasa Melayu sebagai bahasa asing di China (Zakarya et al., 2024). Sekiranya kita membuat perbandingan antara pendidikan bahasa Malaysia dan pendidikan bahasa Indonesia sebagai bahasa asing, kita boleh melihat dengan jelas betapa bahasa Malaysia sangat jauh ketinggalan. Indonesia memiliki badan khusus yang mengendalikan program Bahasa Indonesia bagi Penutur Asing (BIPA) iaitu Badan Pengembangan dan Pembinaan Bahasa yang bernaung di bawah Kementerian Pendidikan, Kebudayaan, Riset, dan Teknologi. Di bawah program ini, penyelidikan-penyelidikan berkenaan bahasa Indonesia sebagai bahasa asing pesat dilakukan dan siri buku teks bahasa Indonesia sebagai bahasa asing, Sahabatku Indonesia, yang terdiri daripada 7 jilid berdasarkan tahap kecekapan juga telah diterbitkan. Meskipun kedua varian bahasa ini 'bersaudara' dari segi linguistik, kita perlu menerima hakikat bahawa pembelajaran bahasa asing turut merangkumi penghayatan budaya serta pembelajaran mengenai sejarah, masyarakat, ekonomi, dan politik sesebuah negara. Maka berdasarkan hakikat ini, bahasa Malaysia sebagai bahasa asing harus mampu berdiri di atas kaki sendiri dan berusaha untuk menyedarkan komuniti dunia mengenai kewujudannya.

Oleh yang demikian, sudah tiba masanya bagi pihak kerajaan, komuniti pendidikan, dan pihak berkepentingan lain di Malaysia membuka mata dan menyedari bahawa untuk meningkatkan permintaan dan status bahasa Malaysia sebagai bahasa asing, bidang penyelidikan ini perlu diberikan perhatian yang sewajarnya. Kesedaran perlu ditingkatkan bahawa pendidikan dan kaedah pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing tidak sama dengan pendidikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, maka ia perlu dilihat daripada sisi pandang dan pendekatan yang berbeza. Sekarang ialah masanya untuk kita melahirkan ahli-ahli linguistik terapan yang membuat pengkhususan dalam bidang pendidikan bahasa Melayu sebagai bahasa asing.

Pernyataan Etika

Pengarang telah membaca dan mematuhi keperluan etika untuk penerbitan dalam Data Secara Ringkas dan mengesahkan bahawa kerja semasa tidak melibatkan subjek manusia, eksperimen haiwan atau sebarang data yang dikumpul daripada platform media sosial.

Pernyataan KRediT Penulis

Tiada.

Penghargaan

Penyelidikan ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada agensi pembiayaan dalam sektor awam, komersial atau bukan untuk keuntungan.



Deklarasi Bebas Kepentingan

Penulis mengisytiharkan bahawa mereka tidak mempunyai kepentingan kewangan yang bersaing atau hubungan peribadi yang mempengaruhi kerja yang dilaporkan dalam kertas kerja ini.

Rujukan

- Iguchi, Y. (2007). Marē-go Indonesia-go kyōiku no jissen: APU hōshiki no kakuritsu e mukete [Malay and Indonesian languages education practices: Towards the establishment of the APU method]. *Polyglossia* 13, 117-134. <https://doi.org/10.34382/00011728>.
- Immigration Services Agency of Japan (2024). Kokuseki chiiki betsu zairyū shikaku betsu zairyū gaikokujin [Penduduk asing mengikut kewarganegaraan/wilayah dan status residensi]. Dimuat turun daripada <https://www.e-stat.go.jp/stat-search/files?page=1&layout=datalist&toukei=00250012&tstat=000001018034&cycle=1&year=20230&month=24101212&tclass1=000001060399>.
- Kobayashi, K. (2018). Daitōakyōeiken kōsō to kokumin no Ajia-go gakushū marai-go no jirei [The concept of Greater East Asia Co-Prosperity Sphere and Asian language learning by Japanese citizens: A case study on the Malay language]. *Shakai-gaku hyōron* 69(3), 338-354. <https://doi.org/10.4057/jsr.69.338>.
- Lee, S. M. (2021). The effectiveness of machine translation in foreign language education: a systematic review and meta-analysis. *Computer Assisted Language Learning*, 36(1-2), 103-125. <https://doi.org/10.1080/09588221.2021.1901745>.
- Tokyo University of Foreign Studies. (n.d.). *Introduction to major languages*. Dicapai pada 22 November 2024 daripada <https://www.tufs.ac.jp/english/education/lc/languages/>.
- Zakarya, Z., Ja'afar, S., Omar, M. S., & Mohd Salleh, N. A. A. (2024). Hubungan antarabangsa antara Malaysia dan China melalui pendidikan: Cabaran dan usaha pengantarabangsaan bahasa Melayu. *PENDETA*, 15(2), 79-95. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.2.6.2024>.